

→ PENDIDIKAN

Anugerah khas iktiraf saintis negara



Idris menyampaikan anugerah Malaysia Rising Star Award 2015 kepada wakil Universiti Sains Malaysia (USM) di atas pencapaian serta kajian yang dijalankan mereka di Langkawi pada September 2015.

→ Pelbagai kajian, penulisan ilmiah mampu saingi ilmuwan antarabangsa

Oleh Wan Nur Faliqha Wan Hazani
bhnews@bh.com.my

Kejayaan saintis di negara ini menghasilkan penyelidikan yang berkualiti tidak dapat disangkal lagi apabila ramai daripadanya mendapat pengiktirafan pada peringkat dunia.

Penghasilan penyelidikan dan penulisan ilmiah yang berkualiti juga membuktikan saintis tempatan mampu menyaingi saintis terhebat dunia apabila berjaya menerbitkannya dan penulisan berkenaan diindeks dalam pangkalan data antarabangsa.

Kejayaan terbabit bukan sesuatu yang baharu kerana kebanyakan saintis tempatan negara ini menghasilkan kajian yang mendapat pengiktirafan pada peringkat dunia sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara yang melahirkan saintis berkualiti.

Seiring itu, penganugerahan kepada penyelidik yang berjaya juga dilaksanakan bagi mengiktiraf mereka dalam sistem pendidikan negara.

Malah, pencapaian saintis itu juga selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menjadi pemangkin kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malay-

sia (2015-2025) (Pendidikan Tinggi).

Pelaksanaannya adalah untuk meningkatkan lagi prestasi penyelidikan tempatan serta mendorong generasi muda untuk memberi komitmen dalam menjalankan penyelidikan di masa depan.

Setiap pencapaian dan kejayaan saintis tempatan itu juga dilihat sebagai sumbangan yang bermakna kerana dapat mengharumkan nama negara di persada dunia menerusi penyelidikan dan penulisan yang dilakukan mereka.

KPT beri sokongan padu

Bagi mengiktirafkan kejayaan saintis, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berkolaborasi dengan agensi pengindeks antarabangsa mengadakan penganugerahan *Malaysia Rising Star Award* bertujuan memberi sokongan padu dan penghargaan kepada mereka.

Malaysia Rising Star Award buat julung kalinya diadakan semasa Persidangan Kebangsaan untuk *High Impact Journals Publication* di Langkawi, Kedah pada 3 September 2015.

Tahun ini adalah kali kedua KPT mengadakan penganugerahan seumpamanya bersama *Clarivate Analytics* (dahulunya dikenali sebagai *IP & Science Business of Thomson Reuters*) dan Elsevier dalam menganjurkan *Malaysia Rising Star Award 2016*.

Anugerah terbabit akan diadakan di Putrajaya pada hari ini yang turut dihadiri oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Pengarah Jualan Regional *Clarivate Analytics* untuk rantau ASEAN dan Hong Kong, John Langton berkata, pihaknya gembira menyokong Malaysia melaksanakan pe-



Kami menyokong penuh usaha R&D yang dibuat masyarakat penyelidik dan industri Malaysia, dan akan terus bekerjasama rapat dengan KPT dan institusi Malaysia untuk membantu mereka mengenal pasti penyelidik cemerlang bertaraf dunia"

John Langton,
Pengarah Jualan Regional
Clarivate Analytics untuk
rantau ASEAN dan Hong Kong

nyelidikan saintifik dan berasa satu penghormatan untuk berkolaborasi dengan KPT buat tahun kedua mengendalikan anugerah pengiktirafan kepada penyelidik Malaysia yang berjaya.

"Kami menyokong penuh usaha R&D yang dibuat masyarakat penyelidik dan industri Malaysia, dan akan terus bekerjasama rapat dengan KPT dan institusi Malaysia untuk membantu mereka mengenal pasti penyelidik cemerlang bertaraf dunia," katanya.

Beliau berkata, pada majlis itu juga, Menteri Pendidikan Tinggi akan menyampaikan anugerah kepada saintis yang berjaya mengharumkan nama negara di persada dunia melalui penyelidikan dan penulisan masing-masing.

Antara anugerah yang akan disampaikan membabitkan tiga kategori daripada *Clarivate Analytics* iaitu *Frontier Researchers*, *Young Researchers* dan *Highly Cited Review* dan dua kategori daripada Elsevier iaitu *Women in Science* dan *International Collaboration*.

20 penyelidik terpilih

Bagi tahun 2016, 20 penyelidik Malaysia dipilih oleh Jawatankuasa Khas daripada kedua-dua agensi pengindeks berkenaan. Anugerah berkenaan mencangkupi pelbagai disiplin penyelidikan seperti kejuruteraan, kejuruteraan elektrik, sains pertanian, sains material, kimia dan alam sekitar/ekologi.

Selain itu *Clarivate Analytics* juga mengambil kesempatan untuk menyampaikan pengiktirafan kepada tiga orang penyelidik Malaysia yang merupakan antara saintis paling berpengaruh di dunia pada 2015 *World's Most Influential Scien-*



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

SOARING
UPWARDS
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

tific Minds 2015 dan *Reuters Top 75: Asia's Most Innovative Universities* iaitu Universiti Putra Malaysia dan Universiti Malaysia.

Tiga penyelidik dari Malaysia mendapat *The World's Most Influential Scientific Minds 2015*, telah dipilih daripada 3,000 saintis yang dikenal pasti. Kajian mereka dalam bidang masing-masing memberikan impak besar berdasarkan teras indeks dalam *Web of Science™* antara 2003 dan 2013. Mereka dinamakan *Highly Cited Researchers* kerana menerbitkan penulisan yang banyak dirujuk oleh penyelidik lain di dunia.

Pengumuman ini telah dibuat pada 14 Januari lalu.

Mereka adalah Profesor Dato' Ir Dr Wan Ramli Wan Daud dan Profesor Ir Dr Siti Kartom Kamarudin, kedua-duanya dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Profesor Dr Bassim H Hameed dari Universiti Sains Malaysia, dalam bidang kejuruteraan.

Skim galakan penerbitan CREAM

Pada majlis itu juga, akan diadakan Pemberian Taraf Cream 2016 di mana jurnal terbaik akan diberi pengiktirafan. Antara kategori yang adalah jurnal yang diindeks dalam laman *Web of Science* dan jurnal yang diindeks dalam Scopus.

Kaedah yang digunakan untuk mengenal pasti penerima adalah berdasarkan kepada prestasi tinggi mereka dalam kedua-dua pangkalan data antarabangsa berkenaan. Sebanyak 18 jurnal akan menerima skim galakan penerbitan sebagai salah satu inisiatif KPT untuk meningkatkan lagi kualiti penerbitan ilmiah Malaysia.